



AL-SULTAN ABDULLAH (kanan) mendengar luahan salah seorang gelandangan ketika bercemar duli berkunjung ke Kompleks Sukan Desa Tasik, Bandar Tun Razak pada Rabu.

Raja dan rakyat berpisah tiada Agong rai gelandangan

Oleh AZLAN ZAMBRY
azlanwilayahku@gmail.com
Foto NAZIRUL ROSELAN
dan AMINNULLAH FARIJ HASAN

SABAN tahun Majlis Sambutan Hari Keputeraan Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong diraikan dengan penuh istiadat seperti paluan gendang, perbarisan tentera, Majlis Penganugerahan Darjah Kebesaran dan

Pingat kepada rakyat yang menabur bakti serta budi kepada negara.

Berlainan dengan sambutan pada tahun ini, ia bersesuaian dengan norma baharu saat negara masih lagi terkesan dengan penularan wabak Covid-19, maka sambutan itu diganti dengan majlis bersama rakyat yang julung kali diadakan.

Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah diiringi anak-anda baginda, Tengku Arif Bendahara

Pahang, Tengku Muhammad Iskandar Ri'ayatuddin Shah berkenan bercemar duli berkunjung ke Pusat Gelandangan Sementara di Kompleks Sukan Desa Tasik, Bandar Tun Razak bagi meraikan gelandangan yang diselamatkan baru-baru ini.

BERSAMBUNG KE MUKA 2



Kawalan pembangunan di Kampung Baru di bawah kuasa DBKL >>4



Realiti PKP:
Ramai peniaga
terjerat Ahlong
>>9 & 10



Pasca PKPB: Perniagaan
Kawood melonjak >>18

DARI MUKA HADAPAN

Ketibaan baginda disambut oleh Menteri Wilayah Persekutuan, Tan Sri TPr Annuar Musa, Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Dr. Santhara dan Pengerusi Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) Datuk Seri Syed Hussein AlHabshi

Turut hadir Timbalan Ketua Setiausaha Sulit Kanan Jabatan Perdana Menteri, Datuk Mohd Sallehuddin Hassan; Ketua Setiausaha Kementerian Wilayah Persekutuan, Datuk Rosida Jaafar; Ketua Polis Kuala Lumpur, Datuk Mazlan Lazim; Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Norhisham Ahmad Dahlan dan Pengarah Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan, Mohd Ajib Ismail.

Baginda kemudian berkenan menerima sembah taklimat daripada Annuar yang juga Pengerusi Jawatankuasa Kerja Keselamatan Wilayah Persekutuan (JKKKN-WP) mengenai keadaan semasa dan juga operasi menyelamat gelandangan-gelandangan ini.

Turut disentuh adalah berkenaan dengan operasi Pusat Pengurusan Krisis (CMC) dalam memberikan perkhidmatan terbaik kepada warga Wilayah Persekutuan semasa tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang bermula 18 Mac lalu.

Baginda kemudian berkenan mengurniakan sumbangan ampun kurnia kepada 44 gelanda-



AGONG mendengar taklimat daripada kepimpinan Kementerian Wilayah Persekutuan dan ketua-ketua agensi.

ngan yang menghuni di pusat itu.

Selain itu, baginda turut berkenan menyerahkan sumbangan daripada Pusat Pungutan Zakat-Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan.

Annuar dalam ucapan, berkata, JKKNWP di bawah pimpinannya telah membantu gelandangan yang diselamatkan ekoran kerajaan telah menguatkuasakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) berkuatuksa pada 18 Mac lalu bagi mengekang penularan wabak Covid-19.

“Sejujurnya Tuanku, patik menjangkakan hanya ada 200 hingga 300 orang yang disebut sebagai gelandangan. Tetapi apabila Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dengan bantuan

agensi penguatkuasa yang terlibat dalam menjalankan arahan tersebut, jumlahnya meningkat kepada hampir 1,000 orang.

“Oleh yang demikian, rumah penginapan sementara tidak mencukupi lalu keputusan dibuat untuk menggunakan dewan awam dan dewan komuniti di bawah seliaan DBKL sebanyak tujuh buah untuk menempatkan semua gelandangan yang telah diselamatkan,” katanya.

Annuar berkata, pihaknya terutama pegawai dan jabatan yang terlibat dapat mengenali dan memahami gelandangan ini secara lebih dekat.

“Masalah mereka bukan sahaja setakat masalah makanan kera-



ANTARA penerima Sumbangan Ampun Kurnia daripada Agong sempena Hari Keputeraan Baginda.

na secara lazimnya ia dihantar oleh pertubuhan bukan kerajaan (NGO), tetapi perlu dibahagikan kepada pelbagai kumpulan iaitu kurang upaya, golongan istimewa, ada yang uzur tua.

“Malah ada yang ketika diselamatkan masih produktif tetapi secara tidak sengaja dianggap sebagai gelandangan,” katanya.

Annuar memberitahu, pihaknya telah bekerjasama dengan Jabatan Tenaga Kerja (JTK) serta DBKL untuk membuat beberapa langkah bagi memastikan gelandangan yang masih produktif memulakan kehidupan baharu.

“Kami menggalakkan para gelandangan ini untuk bekerja dan seterusnya keluar dari alam

kegelandangan hatta setelah PKP Bersyarat dan PKP Pemulihan dan berharap mereka tidak kembali.

“Untuk itu, sejumlah 200 gelandangan telahpun dihantar bekerja di Perak dan Selangor manakala baki dalam 300 orang akan melalui proses tertentu dan diberikan kursus motivasi selama satu bulan sebelum ditempatkan di asrama yang kini sedang dibina oleh DBKL dan seterusnya diberikan pekerjaan.”

“Selain itu, untuk gelandangan yang terkait dengan dadah akan dibuat program pemulihan dan mereka akan dihantar ke Kuantan, Pahang untuk tempoh tiga bulan,” katanya. **W K**

Tekad untuk berubah - Muhammad Abdullah

SEUMUR hidupnya hanya mampu melihat wajah pemimpin tertinggi negara melalui akhbar dan televisyen. Namun, apabila pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) yang menyelaras gelandangan ini memberikan peluang kepada Muhammad Abdullah, 49, untuk menerima sumbangan daripada Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah peluang yang diberikan merupakan satu sejarah kepadanya.

Muhammad atau nama sebenarnya Visvanathan menceritakan, beliau sama sekali tidak terfikir akan dilayan dengan baik di dalam Pusat Gelandangan Sementara (PGS) ini.

“Ketika mula-mula diselamatkan oleh DBKL saya baru dibebaskan dari penjara setelah menjalani hukuman penjara selama 16 tahun.

“Oleh kerana pada ketika itu tiada tempat untuk dituju

dan ketika dibebaskan negara dikenakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), saya terus ditempatkan di dalam PGS dari awal PKP sehingga hari ini,” ceritanya kepada *Wilayahku*.

Sepanjang menjalani kehidupan di dalam PGS, beliau banyak bermuhasabah dan bertekad untuk mengubah kehidupannya untuk menjadi manusia yang berguna kepada negara.

“Hati saya telah terbuka untuk memeluk agama Islam untuk membersihkan diri daripada kesalahan lampau.”

“Melalui bantuan rakan-rakan dan pegawai di sini, saya memeluk agama Islam pada Mei lalu dan apabila diberi kesempatan bertemu dengan Agong, saya menganggapnya sebagai hadiah memeluk agama Islam,” katanya.

Muhammad memberitahu, antara pengalaman yang tidak akan dilupakan dalam kehidupannya adalah apabila baginda sempat berjenaka dengannya mengenai namanya



MUHAMMAD FAHMI



MUHAMMAD ABDULLAH

yang ada kaitan dengan baginda dan puteranya.

“Apabila baginda bertanya kepada saya mengenai nama penuh, saya menjawab Muhammad bin Abdullah, baginda berkata, saya Abdullah dan kemudian baginda memanggil anakandanya iaitu Tengku Muhammad Iskandar dan berkata itu Muhammad (merujuk kepada anakandanya).”

“Tindakan baginda tersebut amat menyenangkan dan saya akan ingat sehingga akhir hayat,” katanya.

Muhammad Fahmi, 49 atau Pang Kong Fui yang berasal dari Segamat, Johor pula menyifatkan bahawa

Al-Sultan Abdullah sebagai seorang pemimpin yang amat dekat dengan rakyat meskipun baginda merupakan ketua negara.

“Sejujurnya, apabila diberitahu oleh rakan-rakan dan pegawai mengenai Baginda akan bercemar duli bertemu dengan gelandangan di pusat ini, saya rasa ia satu perkara yang tidak betul sebelum ini dan pernah memarahi seorang rakan kerana menipu mengenainya.”

“Namun apabila saya terpilih menerima sumbangan ini, saya amat terkejut dan bersyukur kerana dapat menerima sendiri daripada Tuanku.

“Peluang ini akan menjadi ingatan yang amat bermakna dan saya nekad untuk mendalami agama Islam apabila keluar dari PGS ini nanti,” katanya.

Terdahulu, Al-Sultan Abdullah bercemar duli dan menyampaikan sumbangan kepada 44 gelandangan yang berada di PGS Kompleks Su-

kan Desa Tasik, Bandar Tun Razak sempena dengan Hari keputeraan Baginda pada tahun ini.

Baginda diiringi anakandanya, Tengku Arif Bendahara Pahang, Tengku Muhammad Iskandar Ri'ayatuddin Shah.

Ketibaan baginda disambut oleh Menteri Wilayah Persekutuan, Tan Sri TPr Annuar Musa, Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Dr. Santhara dan Pengerusi Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) Datuk Seri Syed Hussein AlHabshi.

Turut hadir, Timbalan Ketua Setiausaha Sulit Kanan Jabatan Perdana Menteri, Datuk Mohd Sallehuddin Hassan; Ketua Setiausaha Kementerian Wilayah Persekutuan, Datuk Rosida Jaafar; Ketua Polis Kuala Lumpur, Datuk Mazlan Lazim; Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Norhisham Ahmad Dahlan dan Pengarah Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan, Mohd Ajib Ismail. **W K**

Fasa pemulihan bermula

PM garis 7 strategi jadi pedoman

Oleh SYAHIDI BAKAR
diwilayahku@gmail.com

KERAJAAN secara rasmi telah mengumumkan fasa baharu Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) bermula 10 Jun sehingga 31 Ogos ini berdasarkan tujuh strategi utama yang digariskan.

Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata, strategi tersebut yang merangkumi pelbagai aspek menjadi garis panduan penting ke arah pemulihan negara daripada penularan Covid-19.

Beliau berkata, sejak PKP dan PKPB dilaksanakan kadar jangkitan Covid-19 menunjukkan trend semakin menurun dengan statistik Kementerian Kesihatan memperlihatkan kadar jangkitan dalam kalangan rakyat tempatan semakin rendah dan terkawal.

"Kerajaan melaksanakan PKPP berteraskan tujuh strategi

iaitu Pengukuhan Kesihatan Awam; Perundangan dan Penkuatkuasaan; Pengukuhan Kawalan Sempadan; Pembukaan Sepenuhnya Sektor Ekonomi; Pembudayaan Kebiasaan Baharu; Pemerkasaan Tanggungjawab Komuniti dan Pelindungan Golongan Berisiko.

"Strategi ini dilaksanakan melalui Jawatankuasa Khas Menteri Mengenai Pelaksanaan PKPP yang dipengerusikan oleh Menteri Kanan Pertahanan manakala

la di peringkat kerajaan negeri, strategi ini dilaksanakan melalui jawatankuasa diwujudkan oleh Menteri Besar dan Ketua Menteri," kata beliau dalam Perutusan Khas mengenai Perintah Kawalan Pergerakan disiarkan secara langsung di beberapa saluran televisyen tempatan.

Perdana Menteri menegaskan, pelaksanaan strategi itu memerlukan kerjasama dan sokongan semua pihak ter-

masuk jentera kerajaan Pusat dan negeri, pihak swasta, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) serta pemimpin dan ketua komuniti.

"Sejak PKP dilaksanakan tiga bulan lalu, kerajaan telah melaksanakan pelbagai strategi dan langkah yang wajar dalam menangani dan membendung wabak Covid-19. Banyak ka-

**TEKS UCAPAN PENUH
PERDANA MENTERI DI PORTAL
WILAYAHKU.COM.MY**

walan dan sekatan dikenakan.

"Saya mengucapkan syabas kepada petugas barisan hadapan dan anda semua yang telah menyumbang bagi kejayaan membendung wabak Covid-19.

Kejayaan ini adalah kejayaan anda semua hasil kerjasama yang baik kepada pihak berkuasa dengan mematuhi semua SOP yang ditetapkan," ujarnya.

Sehubungan itu, Perdana Menteri mengumumkan berita agak melegakan semua iaitu PKPB yang berakhir pada

Info Intisari Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP)

- Perjalanan rentas negeri dibenarkan mulai 10 Jun (kecuali melibatkan kawasan PKPD)
- Hampir semua aktiviti dibenarkan beroperasi semula (kebenaran secara berperingkat dan mesti mematuhi SOP)
- Aktiviti komersial bukan dalam premis niaga dibenarkan (dobi, layanan diri, penggambaran filem dan mesyuarat yang mematuhi SOP)
- Sukan dan rekreasi dibenarkan kecuali pertandingan (tidak melibatkan aktiviti sukan yang tidak melibatkan sentuhan badan)
- Perhimpunan di stadium masih dilarang (sukan renang masih tidak dibenarkan)
- Pelancongan domestik dibenarkan semula (sempadan negara masih ditutup)
- Ibadah korban dibenarkan mengikut SOP (kelonggaran lebih ramai solat berjemaah sedang diperhalusi)
- Sekolah akan dibuka berperingkat
- Larangan terhadap aktiviti tertentu masih berterusan (pusat refleksologi, kelab malam, karaoke, kenduri dan rumah terbuka)

* Penyelidik akhbar Wilayahku

9 Jun 2020 digantikan dengan PKPP bermula pada 10 Jun hingga 31 Ogos 2020 dengan lebih banyak kelonggaran diberi kepada rakyat untuk menjalani aktiviti kehidupan seharian di samping mematuhi SOP secara berterusan.

"Mulai 10 Jun 2020,

perjalanan rentas negeri dibenarkan kecuali di kawasan diisytiharkan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD). Jadi, bagi mereka yang ingin menziarahi ibu-bapa yang tinggal berjauhan di negeri lain bolehlah berbuat demikian," katanya. **W K**

Kerajaan suntik RM45 bilion ke dalam PRIHATIN, PENJANA

KERAJAAN melaksanakan suntikan fiskal langsung berjumlah RM45 bilion bagi membiayai Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRIHATIN) dan Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA) yang secara keseluruhannya bernilai RM295 bilion.

Menteri Kewangan, Tengku Datuk Seri Zafrul Abdul Aziz, berkata jumlah itu turut merangkumi suntikan fiskal langsung berjumlah RM10 bilion daripada nilai keseluruhan PENJANA bernilai RM35 bilion yang diumumkan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin, Jumaat lalu.

"Unit LAKSANA di Kementerian Kewangan akan terus memantau dan memastikan pelaksanaan kedua-dua pelan ini berjalan dengan lancar, telus dan tepat.

"Pihak swasta banyak menyumbang kepada usaha ini dan saya amat berbesar hati bahawa kerjasama awam-swasta amat rancak. Malaysia sememangnya menjadi negara yang sangat unik dalam aspek ini," katanya.

Beliau berkata demikian dalam perkongsian video

Menyokong ekonomi untuk beroperasi dalam kebiasaan baharu melalui 3 teras

i. MEMPERKASAKAN RAKYAT

ii. MELONJAKKAN PERNIAGAAN

iii. MERANGSANG EKONOMI

mengenai pelaksanaan Pakej PRIHATIN di Facebook, pada Selasa.

Mengulas lanjut, Tengku Zafrul berkata, kerjasama awam-swasta yang cukup positif dalam menjayakan pakej rangsangan ekonomi Covid-19 itu dapat menjadi penanda aras amalan terbaik kepada dunia.

"Tiada negara lain di dunia di mana kemudahan internet,

baucar pembelian, moratorium bank atau kelonggaran sewa diberikan seperti mana di Malaysia. Ia keunikan kerjasama awam-swasta di Malaysia," katanya.

Menyentuh mengenai Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP), beliau berkata, perintah kawalan bermula 10 Jun itu juga berkait rapat dengan usaha pemulihan

Program Insentif Pengambilan Pekerja dan Bantuan Latihan

MANFAAT
300,000 pencari pekerjaan

KUANTUM
RM1.5 bilion

JANGKAAN PELAKSANAAN
Pertengahan Jun hingga akhir Disember 2020

OBJEKTIF
Menggalakkan pengambilan pekerja dengan menyediakan insentif kewangan kepada majikan

Kerajaan akan memperkenalkan insentif bagi menggalakkan pengambilan pekerja seperti berikut:

- Golongan bella
 - Program perantasi bagi graduan dan lepasan sekolah dengan pemberian elaun latihan sebanyak RM600 sebulan selama 6 bulan
- Golongan penganggur:
 - Bawah umur 40 tahun: Insentif bagi menggaji golongan penganggur dengan elaun sebanyak RM800 sebulan selama 6 bulan
 - Umur 40 tahun dan ke atas: Insentif bagi menggaji golongan yang menganggur dan golongan Orang Kurang Upaya (OKU) dengan elaun sebanyak RM1,000 sebulan selama 6 bulan
 - Elaun latihan sebanyak RM4,000 akan diberikan bagi mereka yang hilang pekerjaan dan bukan pencari di bawah Skim Insurans Pekerjaan

Maklumat lanjut: www.perkeso.gov.my

Agensi peneraju:

Pembiayaan Mikrokredit PENJANA

MANFAAT
PKS dan PKS mikro

KUANTUM
RM400 juta

JANGKAAN PELAKSANAAN
Bermula Jun 2020

OBJEKTIF
Menyokong PKS dan PKS mikro melalui program pembiayaan

Sokongan pembiayaan khas untuk PKS dan PKS mikro melalui:

- Program pembiayaan baru untuk PKS dan PKS mikro dengan kadar 3.5%
- Setiap perusahaan layak memohon pinjaman maksimum sehingga RM50,000
- RM50 juta dihususkan untuk usahawan wanita

Maklumat lanjut: www.tekun.gov.my • www.mybsn.com.my

Agensi peneraju:

RALAT

MERUJUK laporan bertajuk 'Wujud loophole dalam pemberian lesen penajaan' yang disiarkan di dalam Akhbar Wilayahku edisi ke-63 halaman 10 bertarikh 5 -11 Jun 2020, ia hendaklah dibaca 'Wujud loophole dalam pemberian lesen Perniagaan Tred' yang memetik Pengarah Jabatan Pelesenan dan Pembangunan Penaja Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, Khairul Anuar Mhd Juri. Kesulitan dan salah faham yang timbul terhadap Khairul Anuar susulan kesilapan dalam laporan itu, amat dikesali.